



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**SELASA
13 Januari 2026**



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	13 Januari 2026
Ruang	Negara
Muka Surat	8

10,000 pekerja pelancongan dapat miliki passport digital

BANGI – Seramai 10,000 individu yang terlibat dalam sektor pelancongan berpeluang mengikuti kursus asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) secara percuma serta menerima passport digital lengkap dengan perlindungan insurans dua tahun.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, ia adalah bagi menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menerusi program Latihan Induksi Keselamatan untuk Industri Pelancongan (SITI) anjuran Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

“Program ini dirangka khusus bagi memastikan tenaga kerja sektor pelancongan mempunyai pengetahuan untuk mencegah insiden, mengawal risiko di tempat kerja serta mematuhi peruntukan undang-undang, terutamanya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat NIOSH di sini, semalam bersama Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.

Kata Ramanan, program SITI terbuka kepada semua individu yang terlibat dalam sektor pelancongan termasuklah pemandu

pelancong, pengusaha produk, pekerja dan kontraktor industri.

Katanya, setiap sesi mengambil masa tujuh jam dan dijalankan sama ada dalam talian atau bersemuka di kemudahan NIOSH seluruh negara.

“Peserta yang berjaya menamatkan kursus akan menerima passport keselamatan digital yang sah selama dua tahun, yang berfungsi sebagai bukti pengambilan kursus serta kad insurans untuk kegunaan dalam dan luar negara.

“Tujuh jam ini tidak menjadikan seseorang pakar, tetapi cukup untuk membekalkan asas yang diperlukan agar peserta dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan betul semasa bekerja,” jelasnya.



RAMANAN (kanan) hadir taklimat sempena lawatan rasmi ke NIOSH Bandar Baru Bangi semalam. – FAIZ ALIF

16

Nasional

Selasa, 13 Januari 2026 BH

KESUMA sedia dana RM2.65 juta latih 10,000 pekerja pelancongan

Tawar kursus percuma asas keselamatan, kesihatan peserta sempena TMM2026

Oleh Essa Abu Yamin
essabuyamin@bh.com.my

Bangi: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) memperuntukkan RM2.65 juta bagi pelaksanaan Program Latihan Induksi Keselamatan untuk Industri Pelancongan (SITI) yang akan melatih secara percuma 10,000 peserta daripada sektor pelancongan di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri R Ramanan, berkata program berkenaan menawarkan kursus asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) secara percuma sebagai sokongan kepada kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM2026).

Beliau berkata, program akan dianjurkan oleh Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dengan kerjasama Kementerian Pelancongan,



Ramanan (kanan) bersama Khairul Firdaus (tengah) dan Chieng Jen (kiri) pada sesi taklimat di Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan, Bandar Baru Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

Seni dan Budaya (MOTAC).

"Program dirancang khusus bagi memastikan tenaga kerja dalam sektor pelancongan mempunyai pengetahuan untuk mencegah insiden, mengawal risiko di tempat kerja serta mematuhi peruntukan undang-undang, khususnya Akta

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

"Ia ditawarkan kepada kumpulan sasaran termasuk pemandu pelancong, pengusaha produk pelancongan, pekerja dan kontraktor industri pelancongan serta kakitangan dan penyedia pengu-

pan," katanya pada sidang media selepas lawatan rasmi ke Ibu Pejabat NIOSH, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Khairul Firdaus Akhbar Khan dan Pengerusi NIOSH, Chong Chieng Jen.

Program secara berfasa

Ramanan berkata, program SITI akan berlangsung tujuh jam dan dilaksanakan sama ada secara dalam talian atau bersemuka di fasiliti NIOSH di seluruh negara.

Katanya, permohonan boleh dibuat secara dalam talian bermula 25 Januari 2026 menerusi laman sesawang www.niosh.com.my, manakala pelaksanaan program akan dijalankan secara berfasa dengan tarikh dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh pihak NIOSH.

"Peserta yang berjaya menamatkan kursus akan menerima pasport keselamatan digital (e-kad) dengan tempoh sah laku selama dua tahun.

"Sama seperti pasport keselamatan NIOSH bagi industri lain, pemegang pasport keselamatan SITI turut akan mendapat perlindungan insurans sepanjang masa, sama ada di dalam atau ketika berada di luar negara," katanya.

Beliau berkata, KESUMA serta semua agensi di bawahnya akan memberikan komitmen dan sokongan penuh bagi membantu Kerajaan MADANI menjayakan TMM2026 yang dijangka akan menarik 47 juta pelawat antaranya dengan sasaran pendapatan pelancongan hampir RM100 bilion.

TUESDAY, JANUARY 13, 2026 • NewStraitsTimes

Nation / **NEWS**

7

VISIT MALAYSIA 2026

Ramanan: 10,000 free health, safety training slots for tourism workers

BANGI: The Human Resources Ministry, in collaboration with the Tourism, Arts and Culture Ministry, will provide free safety and health induction training to 10,000 workers in the tourism sector for Visit Malaysia 2026.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said the initiative, known as the Safety Induction for Tourism Industry (Siti) programme, aimed to prepare workers to meet safety and health standards as Malaysia anticipated about 47 million international tourist arrivals.

He said the programme, implemented through the National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh) with an allocation of RM2.65 million, was open to all workers in the sector, including tour guides, hotel staff, drivers and caterers.

"Safety and health cannot be compromised, especially in the service industry.

"Tourists may have varying expectations when it comes to service, but when it comes to safety,

there must be no room for compromise," he said during a visit to Niosh yesterday.

Ramanan said the one-day programme comprised seven hours of training and served as a basic induction on requirements under the Occupational Safety and Health Act 2022.

Participants who complete the course will receive a digital safety passport in the form of an e-card, which includes 24-hour insurance coverage for two years, applicable both locally and abroad.

"The digital passport is proof that participants have undergone the training and that they comply with current safety and health requirements," he said.

The programme will be delivered either online or through physical sessions, with online registration opening on Jan 25 via www.niosh.com.my.

Ramanan said there would be no closing date for applications, with enrolment conducted on a first-come, first-served basis un-

til all 10,000 slots were filled.

He said the initiative reflected inter-ministerial collaboration to ensure tourism workers were adequately trained.

"If the response is encouraging, we will review the programme and consider expanding it further," he said.

Meanwhile, Niosh executive director Datuk Ayop Salleh said the Siti programme focused on five key components.

"These include incident prevention, occupational safety and health laws, hazard identification specific to the tourism sector, risk control and a final assessment."

Ramanan also highlighted Niosh's wider role in training and research, noting that the institute housed specialised laboratories that were the only ones of their kind in Southeast Asia.

Separately, he said Niosh would roll out additional initiatives this year, including safety training for small and medium enterprises, to be announced in phases.

THE STAR, TUESDAY 13 JANUARY 2026



Free safety courses for tourism sector workers

BANGI: The Human Resources Ministry through the National Institute of Occupational Safety and Health (Niosh), will offer free basic occupational safety and health (OSH) courses to 10,000 individuals in the tourism sector, involving an RM2.65mil allocation, said its minister, Datuk Seri R. Ramanan (pic).

He said the programme, known as the Safety Induction for Tourism Industry (Siti), is designed to equip tourism industry workers with essential knowledge to prevent workplace incidents, manage risks and comply with the Occupational Safety and Health (Amendment) Act 2022.

"The target groups include tour guides, tour operators, workers or contractors, employees and accommodation providers."

"These groups will be invited by Niosh to participate so that they can carry out their duties in accordance with OSH requirements. This initiative also supports the Visit Malaysia Year 2026 campaign," he said at a press conference after his official visit to the Niosh headquarters here yesterday.

Also present was Deputy Human Resources Minister Datuk Khairul Firdaus Akbar Khan.

Ramanan said that online applications for the programme will open on Jan 25 via www.niosh.com.my.


He added that the Siti programme has a duration of seven hours and will be conducted either online or in person at Niosh facilities nationwide.

"Participants who complete the course will receive a digital safety passport valid for two years. Similar to safety passports issued by Niosh for other industries, Siti passport holders will also be covered by insurance both domestically and internationally," he said, Bernama reported.

Meanwhile, Niosh executive director Datuk Ayop Salleh said the Siti programme focuses on five main components, including incident prevention, OSH laws and regulations, safety practices in tourism, and risk control.

"The tourism sector has its own specific hazards that need to be addressed with systematic training, covering various aspects such as transportation, accommodation and food preparation," he said.

NIOSH tawar kursus asas kesihatan dan keselamatan pekerjaan sektor pelancongan



RAMANAN

BANGI- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) akan menawarkan kursus asas keselamatan dan kesihatan pekerjaan secara percuma kepada 10,000 individu dalam sektor pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM2.65 juta, kata menterinya, Datuk Seri R Ramanan.

Dikenali sebagai Latihan Induksi Keselamatan untuk Industri Pelancongan (SITI) beliau berkata, program berkenaan di-
rangka khusus bagi memastikan tenaga kerja sektor pelancongan mempunyai pengetahuan untuk mencegah insiden, mengawal risiko di tempat kerja, serta mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022.

"Mereka yang dimaksudkan termasuk pemandu pelancong, pengusaha pelancongan, pekerja atau kontraktor, kakitangan dan penyedia penginapan.

"Golongan ini akan ditawarkan untuk menyertai program SITI bagi melaksanakan pekerjaan mereka mengikut piawaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ia juga selaras dengan inisiatif menyokong Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas lawatan rasminya ke ibu pejabat NIOSH di sini yang turut disertai oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Khalrul Firdaus Akbar Khan.

Permohonan dalam talian bagi menyertai latihan itu akan dibuka mulai 25 Januari di laman sesawang www.niosh.com.my.

Menurut Ramanan, durasi program SITI hanya tujuh jam sahaja dan dijalankan sama ada secara dalam talian atau bersemuka di kemudahan NIOSH seluruh negara.

"Para peserta yang berjaya menamatkan kursus akan diberikan pasport keselamatan secara digital yang mempunyai tempoh sah laku dua tahun dan sama seperti pasport keselamatan bagi industri lain yang dikeluarkan NIOSH, pemegang pasport SITI juga akan mendapat perlindungan insurans dalam dan luar negara," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif NIOSH Datuk Ayop Salleh berkata, program SITI memberi tumpuan kepada lima komponen utama antaranya pencegahan insiden, undang-undang dan peraturan KKP, langkah keselamatan dalam pelancongan dan kawalan risiko. - Bernama

4

மக்கள் ஓசை Makkal Osai

சுற்றுலாத்துறை தொழில் பாதுகாப்பு, சுகாதாரப் பயிற்சி 10,000 பேருக்கு இலவசப் பயிற்சி

- டத்தோஸ்ரீ
ரமணன்

கோலாலம்பூர், ஜன. 13-
2026ஆம் ஆண்டு
மலேசியாவுக்கு
வருகை புரியும்
பிரச்சாரத்தை வெற்றி
பெறச் செய்யும் ஒரு
திட்டமாக
சுற்றுலாத்துறை
தொழில் பாதுகாப்பு,
சுகாதாரப் பயிற்சி
வழங்கத் திட்டம்
வகுக்கப்பட்டுள்ளதாக
மனிதவள அமைச்சர்
டத்தோஸ்ரீ ரமணன்
ராமகிருஷ்ணன்



தெரிவித்தார்.

10,000 பேருக்கு இலவசமாக
வழங்கப்படும் இந்தப் பயிற்சி
தியோஸ் எனப்படும் தேசிய
தொழில் பாதுகாப்பு, சுகாதார
நிறுவனம், மலேசிய சுற்றுலா
கலை, கலாச்சார அமைச்சு
ஆகியவற்றுடன் இணைந்து
செயல்படுத்தப்படவுள்ளது.

இப்பயிற்சித் திட்டத்தின் வழி
நாட்டின் சுற்றுலாத்துறையின்
பாதுகாப்பு, பேரிடர் மேலாண்மை
ஆற்றலை மேம்படுத்திக் கொள்ள
முடியும். இந்தப் பயிற்சியை
இணையம் மூலமாகவோ
நேரடியாகவோ பங்கேற்கலாம்

என்று நேற்று நடைபெற்ற
அதிகாரிகளுடனான சந்திப்புக்
கூட்டத்தில் அவர் சொன்னார்.

இந்தப் பயிற்சி
சுற்றுலாத்துறையைச் சார்ந்துள்ள
விபத்துகள், சட்டதிட்டங்கள்,
பேரிடர் நிர்வாகம் ஆகிய
கூறுகளை உள்ளடக்கியுள்ளது.

இந்தப் பயிற்சியில்
பங்கேற்பவர்கள் 24 மணி நேர
காப்பீட்டுத் திட்டத்துடன்
ஈரண்டுகளுக்கு
செல்லுபடியாகும் டிஜிட்டல்
பாதுகாப்பு கடப்பிதழைப்
பெறுவர். இத்தகைய பயிற்சித்
திட்டம் 2022 தொழில்

பாதுகாப்பு, சுகாதார (திருத்தம்)
சட்டத்தின் தேவைக்கேற்ப
பாதுகாப்பான, அறிவாற்றல்
மிக்குந்த, போட்டித்தன்மை வாய்ந்த
சுற்றுலாப் பணியாளர்களை உறுதி
செய்கிறது.

இத்தகைய முயற்சி தொழிலாளர்
நலனைப் பாதுகாக்கும், சுற்றுலாப்
பயணிகளின் நம்பிக்கையை
வலுப்படுத்தும், நாட்டின்
நிலையான பொருளாதார
வளர்ச்சியை மேம்படுத்தும் மடாணி
அரசாங்கத்தின் கோட்பாட்டைப்
பிரதிபலிக்கிறது என்று டத்தோஸ்ரீ
ரமணன் குறிப்பிட்டார்.

செனாதிபதி பரத திவ்யதர்சன், மலேசியா
கேள்வி, மலேசியா
வினாக்கள் மறு பக்க :
பக்க : 00-000-10/2026

தீர்மானம் மற்றும் வினாக்கள் சட்டம்
1978 (1978-01-01) 00-000-10/2026

RESHANTINI A/P RAMAN
(NO. K/P : 910200-01-5310)

SATHIS KUMAR AL VASAU
(NO. K/P : 920017-05-5303)

பெயர் :-
SATHIS KUMAR AL VASAU
NO. 2179, JALAN 11A,
TAMAN SEREMBAN JAYA,
70450 SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN.

கவனிக்கவும்: கவனிக்கவும்: